



5 April 2017  
5 April 2017  
P.U. (A) 109

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN  
(KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN MELALUI KAMERA)  
(PINDAAN) 2017

*ROAD TRANSPORT (CAMERA-RECORDED OFFENCES)  
(AMENDMENT) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN  
MELALUI KAMERA) (PINDAAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan yang Dirakamkan Melalui Kamera) (Pindaan) 2017.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 April 2017.

**Pindaan kaedah 4**

2. Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan yang Dirakamkan Melalui Kamera) 2012 [P.U. (A) 309/2012], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 4—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Sistem pengesan yang digunakan bagi maksud kesalahan yang dirakamkan melalui kamera berhubung dengan suatu kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah terdiri daripada semua atau mana-mana kelengkapan yang berikut:

- (a) gelung induktif;
- (b) jaluran piezo;
- (c) radar;
- (d) laser; dan
- (e) kilauan kamera.”;

- (b) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “kelajuan kenderaan motor atau tidak mematuhi isyarat merah pada isyarat lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “mana-mana kesalahan yang dirakamkan melalui kamera”; dan
- (c) dalam subkaedah (3), dengan menggantikan perkataan “kelajuan kenderaan motor” dengan perkataan “mana-mana kesalahan yang dirakamkan melalui kamera”.

### **Pindaan Jadual Kedua**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Jadual Kedua dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) ujian dan penentukuran bagi suatu kamera statik atau kamera mudah alih boleh dijalankan di mana-mana lokasi di mana kamera itu dipasang, di mana-mana depoh pemprosesan atau di mana-mana tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Ketua Pegawai Polis;”.

### **Pindaan Jadual Keempat**

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Keempat dengan Jadual yang berikut:

**“JADUAL KEEMPAT**  
**[Kaedah 7]**

NOTIS

NOTIS

No. : .....

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEADAH-KAEADAH PENGANGKUTAN JALAN (KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN MELALUI KAMERA) 2012

Kepada:

Nama:..... No. Kad Pengenalan/No. Syarikat: .....